

# Pengedar dadah licik tumpas

B/H 31/8/2011 12

## Polis tahan 10 suspek, rampas RM6.5 juta bahan terlarang

Oleh Azmi Md Deros

azmimd@bharian.com.my

● SHAHRIZAL MD NOOR | BERITA HARIAN

**A**LOR SETAR: Rangkaian sindiket penyeludupan dan pengedaran dadah bukan saja menggunakan kereta mewah Mercedes Benz untuk mengaburi pasukan keselamatan di pintu masuk sempadan Bukit Kayu Hitam malah menjadikan bandar tertentu di negeri ini sebagai transit melancarkan kegiatan mereka di negara ini.

Pada masa yang sama, anggota sindiket terbabit yang juga pasangan suami isteri membawa bersama anak mereka berusia 14 tahun ketika melakukan kegiatan itu.

Bagaimanapun, hasil risikan dan pengintipan selama 10 bulan, polis dengan kerjasama polis Thailand melumpuhkan kegiatan itu apabila menahan 10 suspek, termasuk empat wanita dan dua remaja berusia 14 hingga 46 tahun serta merampas pelbagai jenis dadah bernilai lebih RM6.5 juta dalam beberapa siri serbuan di negeri ini pada Jumaat lalu.

Sindiket itu agak licik apabila menyembunyikan dadah yang diseludup di ruang khas pada penyandar tempat duduk belakang enam



**NOOR RASHID** menunjukkan dadah dalam buluh menyerupai lemang serta ketulan mampat lain bernilai RM6.5 juta pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah, semalam.

kereta jenis Mercedes Benz yang digunakan ketika menyeludup bahan larangan itu menyebabkan ia sukar dikesan ketika melalui pemeriksaan di pintu masuk sempadan Bukit Kayu Hitam, dekat sini.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Noor Rashid Ibrahim, berkata kejayaan operasi itu berikutan

pemeriksaan pertama ke atas sebuah kereta Mercedes Benz pada jam 9 pagi Jumaat lalu di sekatan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) Changlun yang membawa kepada penahanan sepasang suami isteri bersama anak mereka yang berusia 14 tahun.

Katanya, hasil pemeriksaan ke atas kereta itu menemui 16 bung-

kusan syabu yang disembunyikan di ruang khas pada penyandar tempat duduk belakang kereta.

“Sejurus selepas itu, kita menahan seorang lelaki yang memandu kereta di Plaza Tol Sungai Petani dan menemui 1,999 biji pil khayal dan satu ketulan heroin disembunyikan di ruang khas kenderaan itu,” katanya.